

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

10. Kawasan di sekitar laluan keretapi merupakan kawasan pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC). Sila nyatakan jadual berkala pemotongan rumput oleh pihak berkenaan sekiranya boleh terutamanya di KADUN Berapit.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Perbadanan Aset Keretapi (RAC) melaksanakan pembersihan dan penyelenggaraan (termasuk pemotongan rumput) secara berkala iaitu dalam tempoh tiga (3) bulan sekali. Bagi tahun 2020, kontraktor yang telah dilantik oleh RAC telah menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan di KADUN Berapit pada bulan Januari yang lalu. Penjadualan pembersihan dan penyelenggaraan yang telah dirancang pada bulan Mac akan dilaksanakan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.